

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 12 Julai 2024



Untuk Terbitan Media

12 Julai 2024

SIARAN MEDIA

PERKESO-USIM JALIN KERJASAMA PERKASA KOMUNITI OKU DALAM BIDANG PEKERJAAN

NILAI – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) di Bangunan Canselori USIM, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed memberitahu jalinan kerjasama strategik ini adalah antara inisiatif PERKESO dalam memperkasa Orang Kurang Upaya (OKU) dan membantu golongan ini mendapatkan kesaksamaan hak serta peluang seperti anggota masyarakat yang lain menerusi penubuhan UMMI USIM.

“Gandingan usaha sebegini bakal membawa kepada lebih banyak lembaran kerjasama dalam membantu Orang Kurang Upaya (OKU) dan golongan ketidakupayaan untuk kembali bekerja serta mengekalkan kelestarian ekosistem pekerjaan sekali gus diharap akan memberikan impak positif dalam perkembangan ilmu, pembangunan modal insan dan perkongsian kepakaran berkaitan komuniti OKU.

“Berdasarkan perangkaan program Return to Work (RTW) yang dilaksanakan pada 2007 hingga Mei 2024 oleh PERKESO, seramai 76,390 individu berjaya kembali bekerja ke dunia pekerjaan selepas menjalani latihan pemulihan sejak program Return to Work (RTW) dilaksanakan pada 2007 hingga Mei 2024, sekali gus membuktikan prinsip ‘no one is left behind’ yang dibawa PERKESO,” ujarnya.

Melalui usahasama ini, USIM akan menawarkan konsultasi dan kepakaran dalam bidang penyelidikan dan inovasi serta sinergi latihan dan pemindahan ilmu bagi mendepani isu dan cabaran pekerja OKU selaras dengan matlamat PERKESO dan kesejahteraan sosial komuniti OKU.

Dr.Mohammed Azman turut memaklumkan, menerusi sinergistik ini, risalah Return to Work (RTW) dalam terjemahan Braille berjaya dihasilkan yang diyakini mampu terus memangkin penempatan OKU dalam pasaran kerja dan memacu sosioekonomi mereka. Inisiatif ini juga dilakukan dengan harapan supaya kita dapat mengubah stigma atau tanggapan masyarakat terhadap OKU.

Majlis menandatangan ini turut menyaksikan Simbolik Pengenalan Risalah Braille Return To Work (RTW) PERKESO edisi pertama yang diserahkan kepada Pengarah Urusan KL Braille Resources, Dato' Haji Mah Hassan Haji Omar.

Terdahulu Majlis menandatangani MoU ini telah dilaksanakan oleh Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Ts. Dr. Sharifudin Md Shaarani dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO yang turut dihadiri di majlis tersebut adalah ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) serta Pengurusan PERKESO.

TAMAT

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

12 Julai 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my